

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL  
RAHMAN [ MUAR ]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen terhadap Projek Pasar Baharu Parit Jawa yang telah pun diluluskan peruntukannya sejak 18 Mac 2019.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status pelaksanaan bagi Projek Pasar Baharu Parit Jawa adalah di peringkat Dalam Pelaksanaan dan dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Muar. Tarikh mula ditapak adalah 30 Ogos 2020 dan prestasi kemajuan sehingga 31 Oktober 2020 adalah mendahului jadual iaitu sebanyak 12.14%. Projek ini dijangka siap pada 16 Januari 2022.

Sekian, terima kasih.